

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
BAGI PRA PERMOHONAN PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)
SESI 2027**

Syarat Umum

- a. Akauntan **lantikan tetap Perkhidmatan Awam Persekutuan**;
- b. Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada 1 Januari 2026;
- c. Pegawai **berumur tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Kedoktoran** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1982 sahaja) dan **50 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Sarjana** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1977 sahaja) **pada 1 Januari 2027**;
- d. **Tempoh perkhidmatan minimum** pegawai **dalam Kumpulan P&P** pada 1 Januari 2026 adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Tahun Perkhidmatan
Ijazah Sarjana	Lapan (8) tahun ke atas
Ijazah Kedoktoran	Sembilan (9) tahun ke atas

- e. Mematuhi **syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus** seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (sehingga 1 Januari 2026)
Lebih daripada 12 bulan	Dua (2) tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Satu (1) tahun

- f. Pegawai hendaklah mempunyai **kelayakan Ijazah Sarjana Muda** (bagi permohonan mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana) **atau Ijazah Sarjana** (bagi permohonan mengikuti pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran) yang diiktiraf oleh Kerajaan Daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan **atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya**;
- g. Memohon peringkat pengajian yang **lebih tinggi daripada peringkat pengajian sedia ada** pegawai;
- h. **Bebas daripada sebarang pertuduhan / tindakan tatatertib / dakwaan mahkamah**;
- i. **Tidak tersenarai dalam senarai hitam** pinjaman atau biasiswa JPA;
- j. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini.

Calon yang disenarai pendek adalah tertakluk kepada syarat-syarat permohonan yang ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi permohonan program HLP sesi 2027